

# PDiSA 2021 teroka idea beri perkhidmatan digital terbaik



Perasmian PDiSA 2021 disempurnakan oleh Mohd Zuki yang dilaksanakan sepenuhnya secara maya.

## Pencetus kepada kerajaan untuk merangka strategi digital komprehensif

Perkhidmatan awam pada masa kini berada pada tahap yang cukup mencabar. Mendepani situasi terkini, kerajaan bukan sahaja berhadapan dengan cabaran dalam menangani penularan wabak COVID-19, malah perlu mengatasi isu yang memerlukan penyelesaian strategik daripada semua pihak terbabit.

Susulan daripada itu, kerajaan mendapati agenda pendigitalan bukanlah lagi satu pilihan. Kerajaan perlu melaksanakan transformasi dan mengambil pendekatan lebih berinovatif untuk merangka penyelesaian baharu dalam perkhidmatan digital kerajaan yang berpaksikan kepada keperluan rakyat.

Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk memenuhi ekspektasi rakyat, kerajaan masih memerlukan idea baharu dalam memberikan penambahbaikan kualiti perkhidmatan digital kerajaan dalam norma baharu.

Bertitik tolak daripada inilah tercetusnya idea bagi pelaksanaan Persidangan Digital Sektor Awam (PDiSA) 2021. Persidangan ini bertujuan untuk meneroka idea bernas untuk memberikan perkhidmatan digital terbaik kepada rakyat.

PDiSA 2021 acara julung kalinya dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Persidangan yang telah diadakan dengan jayanya pada 19 Ogos 2021 itu, kolaborasi strategik antara MAMPU, Kementerian Kewangan Malaysia dan AwanBiru Technology Berhad (Awantec).

Sebagai langkah pragmatik dalam mendepani situasi pandemik, penganjuran PDiSA 2021 ini dilaksanakan sepenuhnya secara maya.

Perasmian majlis ini disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

PDiSA 2021 yang bertemakan "Norma Baharu Pendigitalan: Memperkasakan Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat" memberi fokus kepada lima agenda utama iaitu pelancaran Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025; penyampaian ucaptama; sesi perbincangan panel; sesi pembentangan kertas daripada sektor awam dan swasta; serta pameran maya yang disertai oleh 25 pempamer iaitu daripada

sektor awam dan swasta.

Inti pati pengisian program PDiSA 2021, menerusi ucaptama persidangan yang bertajuk "Pandemik COVID-19: Revolusi Dunia Digital" oleh Tan Sri Dr Jemilah Mahmood secara umum, memberi gambaran secara global berkaitan signifikansi pandemik COVID-19 dalam mencetus revolusi dunia digital yang mengimbangi keperluan rakyat dan juga menyemarakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sesi perbincangan panel pula mengetengahkan topik "Meneroka Masa Depan Digital: Perubahan Landskap Digital Dalam Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan".

Pada sesi ini, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Telekom Malaysia Berhad, Imri Mokhtar, telah mengulas isu semasa berkaitan penambahbaikan mutu penyampaian digital kerajaan daripada perspektif awam dan swasta.

Selain itu, peserta juga diberi pendedahan kepada inisiatif pendigitalan yang sedang dilaksanakan oleh sektor awam dan swasta antaranya pembangunan aplikasi e-dompet yang memudahkan transaksi jual beli secara *cashless*, aplikasi GoChat sebagai medium komunikasi penjawat awam yang selamat



Ucuptama persidangan yang bertajuk "Pandemik COVID-19: Revolusi Dunia Digital" oleh Jemilah.

dan pembangunan bandar pintar serta manfaatnya kepada rakyat dalam persekitaran digital.

PDiSA juga mencipta kelainan dengan mengetengahkan kepakaran tempatan dalam barisan panel dan pembentang.

Hal ini memberi lebih impak kepada peserta persidangan kerana dapat mengetahui situasi sebenar dan hala tuju semasa kerajaan dalam pendigitalan di Malaysia.

Persidangan yang diadakan selama sehari ini telah berjaya menarik penyertaan secara maya seramai 2,337 peserta yang terdiri daripada pemimpin digital kerajaan serta rakan strategik daripada pihak industri.

Sementara itu, untuk pameran maya pula, semua pempamer memaparkan inisiatif digital yang boleh ditawarkan kepada golongan sasaran pelanggan masing-masing.

Antara pempamer yang terbahit adalah seperti Awantec, Google Malaysia, TM, CISCO serta agensi awam seperti MAMPU, Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan rakan industri yang memberi peluang kepada pengunjung untuk merasa perjalanan revolusi digital di negara ini.

Dalam persidangan yang sama, MAMPU juga turut melancarkan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025.

Pelan ini menggariskan hala

tuju strategik pelaksanaan digital sektor awam untuk tempoh lima tahun. Melalui PSPSA, tumpuan dapat diberikan secara lebih khusus kepada pengukuhan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bagi mendeda upaya sistem penyampaian yang berimpak tinggi seiring dengan agenda pendigitalan kerajaan.

Mohd Zuki pada persidangan ini, mengingatkan bahawa senario dan cabaran semasa serta trend global memerlukan perubahan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat supaya perkhidmatan awam terus diyakini dan dihormati selain kekal relevan.

Sehubungan itu, PSPSA ini penting untuk dijadikan panduan oleh agensi sektor awam.

Kesimpulannya, PDiSA 2021 telah dilaksanakan dengan jayanya dalam situasi norma baharu. Wadah sebegini diharap dijadikan sebagai penanda aras kepada kerajaan untuk memenuhi keperluan sebenar rakyat, secara tidak langsung mencetuskan idea kepada kerajaan dalam merangka strategi digital yang komprehensif, selaras dengan arus global serta berteraskan rakyat.

Maklumat lanjut mengenai Persidangan Digital Sektor Awam 2021 ini boleh diakses melalui portal <https://pdisa.mampu.gov.my/>. Persidangan ini juga telah diadakan secara penstriman langsung di laman Facebook rasmi MAMPU <https://www.facebook.com/mampujpm/>.



Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Seri Dr Yusof Ismail menyampaikan ucaptama pada PDiSA 2021.

### SEKILAS PANDANG

2000

Persidangan Chief Information Officers (CIO) Sektor Awam, kali pertama diadakan pada 5 Oktober 2000

2016

Dijenamakan semula kepada Public Sector CIO Convention and Exhibition (CIO Convex) yang menggabungkan persidangan & pameran

2021

Dijenamakan semula kepada Persidangan Digital Sektor Awam